



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/12/100 (HQ)

### 200 MURID TERIMA KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN MELALUI PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' TNB 2018

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini menyampaikan sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan kepada 200 murid berusia antara tujuh hingga 12 tahun, daripada keluarga kurang berkemampuan dari beberapa buah sekolah rendah di kawasan Titiwangsa.

Sumbangan disampaikan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani merangkap Ahli Parlimen Titiwangsa di Dewan Komuniti, Taman Maluri, Kuala Lumpur.

Program Jom ke Sekolah atau *Back To School* ini merupakan inisiatif Tanggungjawab Korporat TNB (CR) dalam bidang pendidikan. Program bantuan kelengkapan persekolahan murid-murid ini bertujuan meringankan beban golongan kurang berkemampuan dalam menyediakan persiapan persekolahan.

Mereka (penerima) menerima set kelengkapan sekolah bernilai RM200 seorang dengan kos keseluruhan RM40,000. Bantuan kelengkapan ini mengandungi sepersalinan pakaian seragam, tudung (murid perempuan), kasut dan stoking, beg sekolah dan alat tulis.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, TNB amat memahami kekangan kewangan yang dihadapi golongan kurang berkemampuan dalam mempersiapkan kelengkapan persekolahan anak-anak, terutamanya kepada keluarga yang mempunyai ramai anak.

Program anjuran TNB ini turut dilaksanakan di 50 buah daerah di seluruh negara. Seramai 10,000 murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2 juta.

Sejak program ini diperkenalkan pada 2013, seramai 12,000 pelajar dari 800 sekolah telah mendapat manfaatnya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 Disember 2017, jam 10.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-341 8988) atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*